

29/03/2003

Kecewa lihat Dewan Rakyat kosong

Ayob Mamat

LANGKAH kaki saya terhenti sebaik melintasi kaca televisyen yang menyiarkan secara langsung perbahasan sidang Dewan Rakyat mengenai usul tergepar yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengutuk serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Sebagai rakyat Malaysia yang mengikuti perkembangan politik tanah air, saya malu, terkilau dan kecewa apabila melihat banyak kerusi di Dewan Rakyat kosong tanpa kehadiran anggotanya walaupun bagi satu isu penting yang dibentangkan Dr Mahathir.

Ke mana perginya wakil rakyat ini dan sibuk benarkah mereka?

Sepatutnya

bagi usul yang sangat penting, semua wakil rakyat perlu menunjukkan komitmen terhadap amanah yang diberikan dengan menghadiri sidang Dewan Rakyat.

Perdana Menteri sendiri pernah menegur sikap wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang sering ponteng daripada menghadiri sidang Dewan Rakyat.

Terbaru ialah kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas mengadakan pertemuan dengan Kelab Penyokong Kerajaan

di Awana Kijal, Terengganu awal bulan ini yang memberi ingatan supaya masalah tidak cukup ahli di Dewan Rakyat tidak lagi berulang.

Namun, apa yang berlaku sewaktu pembentangan usul tergepar itu amat memalukan.

Semua orang tahu, ramai orang berebut-rebut mahu menjadi wakil rakyat tanpa mencerminkan diri sendiri. Mereka melobi sakan untuk dipilih sebagai calon walaupun berucap teragak-agak seperti orang salah disoal siasat.

Bagi kebanyakan rakyat, khususnya ahli Umno, memilih parti itu dalam pilihan raya umum kerana calonnya. Jika calon sesuai, maka mereka dipilih

dan begitulah sebaliknya.

Justeru, jika wakil rakyat yang dipilih malas menghadiri sidang, tidak ada sebab mereka tidak harus diketepikan sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Kumpulan wakil rakyat BN menjadi lemah di Dewan Rakyat dalam perbahasan

dengan pembangkang kerana sikap buruk inilah. Jauh sekali kalau hendak dibandingkan dengan kemampuan mereka berucap atau mematahkan isu pembangkang.

Saya berharap perkara ini diberi perhatian kerana negara memerlukan pemimpin yang mempunyai sepenuh komitmen untuk rakyat, termasuk menghadiri sidang Dewan Rakyat.

Kita jangan menyesal jika rakyat menolak pemimpin seperti itu kerana takut untuk melakukan perubahan.

Janganlah kerana mereka ketua bahagian Umno, maka dipilih sebagai calon

tetapi malas bersidang.

Kemenangan di peringkat bahagian ditentukan oleh ahli Umno tetapi

kemenangan pilihan raya ditentukan oleh rakyat.

Jika terpilih sebagai ketua bahagian Umno, beringatlah kerana mereka belum tentu dipilih sebagai pemimpin oleh rakyat. Apa yang berlaku di Terengganu dan Kelantan cukup untuk dijadikan bayangan.

AYOB MAMAT,
Kedai Buloh,